



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

KAJIAN EKPLORASI TINGKAT KEFAHAMAN GURU TENTANG CUKAI BARANGAN DAN PERKHIDMATAN

MOHD ZUL IZWAN BIN ALIYASAK



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

DISERTASI INI DIKEMUKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN EKONOMI
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)

FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2017



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



ABSTRAK

Tujuan utama kajian ini ialah untuk mengenal pasti sejauh mana tingkat kefahaman guru tentang Cukai Barangan dan Perkhidmatan atau dalam bahasa Inggeris lebih dikenali sebagai *Goods and Service Tax* (GST). Seramai 196 orang guru yang berkhidmat di sekolah-sekolah di sekitar Tanjung Malim mengambil bahagian dalam kajian ini. Kaedah yang digunakan dalam kajian ini ialah kuantitatif dan instrumen kajian yang digunakan dalam penyelidikan ini ialah set borang soal selidik. Skala Likert (5 tahap) di gunakan sebagai pengukur iaitu minimum 1 ke maksimum 5 (paling tidak setuju ke paling setuju). Data yang diperoleh di proses dan dianalisis secara deskriptif untuk mendapatkan jawapan bagi menjawab objektif i, ii dan iii. Ujian *t-test* telah dijalankan bagi menjawab objektif ke iv. Kesemua data di analisis dengan menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science* (SPSS)-Version 22. Dapatan kajian yang diperoleh menunjukkan *Medium* Televisyen, Perbincangan dengan rakan-rakan dan Surat Khabar dikenal pasti sebagai alat penyebaran maklumat yang paling popular (mengikut turutan) di kalangan guru dalam memperoleh maklumat mengenai GST. Keputusan bagi ujian kedua dan ketiga pula menunjukkan, tingkat pengetahuan dan kefahaman guru tentang GST adalah di tahap rendah. Keputusan dari ujian *t-test* menunjukkan tiada perbezaan tahap pemahaman yang ketara diantara guru dalam bidang dengan guru bukan bidang. Implikasi dari dapatan ini ialah; memandang guru adalah agen penyampaian ilmu dan maklumat am di sekolah ataupun di luar sekolah; tahap pengetahuan dan pemahaman yang rendah akan memberi impak negatif terhadap keberkesanan penyebaran maklumat mengenai GST pada ahli masyarakat yang lain; terutamanya pada pelajar-pelajar. Keputusan akhir bagi kejadian ini akan memberikan kesan negatif juga terhadap keberkesanan pelaksanaan dasar ini secara keseluruhan.

Kata kunci : GST, Pengetahuan, Pemahaman dan Perbezaan Bidang.





EXPLORATORY STUDY OF THE LEVEL OF TEACHERS' UNDERSTANDING ON THE GOODS AND SERVICES TAX

ABSTRACT

The purpose of this study is to identify the level of understanding on Goods and Services Tax (GST) among teachers. A total of 196 teachers who are serving around the area of Tanjung Malim take part in this study. The methodology used in this research is quantitative and this study uses the questionnaire set as the research instrument. The input received from the respondents are measured in the form of Likert Scale (5 levels) which extend from of minimum 1 (most disagree) to maximum 5 (most agree). The data are analyzed descriptively to obtain the results for objectives i, ii, and iii. The t-test is conducted to answer objective iv. The data are analyzed by using Statistical Package for Social Sciences (SPSS) Version 22. The findings indicate television, discussion with friends, and readings from newspapers are the most popular means of information dissemination. Meanwhile, the results from the second and the third tests show that the level of teacher's knowledge and understanding on GST is low. The result from the t-test showed no difference in the level of understanding on GST between groups of teachers within the field with teachers from different fields. The implication of the findings is; the fact that teachers are agents in information dissemination either at schools or outside the schools. The low level of knowledge and understanding will give negative impact on GST information dissemination process to other parties; especially the student. The overall result of this event will also negatively affect the effectiveness of the GST policy implementation.

Keywords: GST, Knowledge, Understanding and Difference Field.



KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN ii

PENGHARGAAN iii

ABSTRAK iv

ABSTRACT v

KANDUNGAN vi

SENARAI JADUAL x

 05-4506832  pustaka.upsi.edu.my  Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah  PustakaTBainun  ptbupsi **SENARAI RAJAH** xii

SENARAI SINGKATAN xiii

BAB 1 PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan 1

1.1 Latar Belakang 3

1.2 Penyataan Masalah 7

1.3 Tujuan Kajian 11

1.4 Objektif Kajian 12

1.5 Persoalan Kajian 12

1.6 Kepentingan dan Faedah Kajian 13

1.7 Batasan/ Skop Kajian 13

1.8 Susun Atur Bab 14

**BAB 2****TINJAUAN LITERATUR**

2.0	Pengenalan	16
2.1	Peranan Guru Sebagai Agen Penyebaran Maklumat	17
2.2	Cukai	18
2.3	<i>Goods and Services Tax (GST)</i>	19
2.4	Kajian Kefahaman dan Pengetahuan	23
2.5	Kajian Cukai dan Percukaian	25
2.6	Kajian Empirikal yang Berkaitan Dengan GST	26
2.7	Pemahaman dan Penerimaan Orang Ramai Terhadap Percukaian <i>Goods and Service Tax</i> (GST)	29
2.8	Kesimpulan	33

**BAB 3****METODOLOGI**

3.0	Pengenalan	35
3.1	Reka Bentuk Kajian	36
3.2	Populasi dan Pensampelan	38
3.3	Kaedah Pengumpulan Data	39
3.4	Instrumen Kajian dan Kesahan	40
3.5	Laporan Dapatan Kajian Rintis dan Analisis Kebolehpercayaan	42
3.6	Proses Pengumpulan dan Analisis Data Kajian	45
3.7	Kesimpulan	46



**BAB 4****DAPATAN KAJIAN**

4.0	Pengenalan	48
4.1	Analisis Latar Belakang Responden	49
4.1.1	Jantina Responden	49
4.1.2	Kaum Responden	50
4.1.3	Umur Responden	51
4.1.4	Status Perkahwinan Responden	52
4.1.5	Negeri Asal Responden	53
4.1.6	Tempoh Tahun Berkhidmat Responden	54
4.1.7	Akademik Responden	55
4.1.8	Bidang Responden	55
4.2	Analisis <i>Medium</i> Penyebaran Maklumat	57
4.3	Analisis Pengetahuan Responden	59
4.4	Analisis Pemahaman Responden	67
4.5	Kajian Perbezaan Tahap Kefahaman Guru Dari Bidang yang Berbeza	74
4.6	Rumusan	75

BAB 5**PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN**

5.0	Pengenalan	76
5.1	Kesimpulan Kajian	77
5.2	Pemerhatian Terhadap Isu-Isu GST	78
5.3	Perbincangan dan Cadangan daripada Dapatan Kajian	82
5.4	Impak Perlaksanaan GST	84



5.5 Penutup

85

RUJUKAN

86

LAMPIRAN A (Senarai Negara yang Melaksanakan GST)

90

LAMPIRAN B (Borang Soal Selidik)

96



SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
3.1 Struktur Instrumen Borang Soal Selidik	41
3.2a Pengertian dan Batasan Pada Tiga Skala Likert	41
3.2b Pengertian dan Batasan Pada Lima Skala Likert	43
3.3 Analisis Kebolehpercayaan Konstruk <i>Medium</i> Penyebaran Maklumat Responden	44
3.4 Analisis Kebolehpercayaan Konstruk Pengetahuan	44
3.5 Analisis Kebolehpercayaan Konstruk Pemahaman	45
4.1 Analisis Jantina Responden	49
4.2 Analisis Kaum Responden	50
4.3 Analisis Umur Responden	51
4.4 Analisis Status Perkahwinan Responden	52
4.5 Analisis Negeri Asal Responden	53
4.6 Analisis Tempoh Tahun Berkhidmat Responden	54
4.7 Analisis Akademik Responden	55
4.8 Analisis Bidang Responden	56
4.9 Analisis <i>Medium</i> Penyebaran Maklumat Responden	57
4.10 Analisis Soalan Pengetahuan	59
4.11 Analisis Keseluruhan Tahap Pengetahuan	66





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

4.12	Analisis Soalan Pemahaman	67
4.13	Analisis Keseluruhan Tahap Pemahaman	73
4.14	Analisis Perbezaan Tahap Kefahaman Guru dari Bidang yang Berbeza	74



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
3.1 Kerangka Kajian	37
3.2 Proses Mengumpul Maklumat dan Analisis Data Kajian	46





SENARAI SINGKATAN

ARIMA	-	<i>Autoregressive Integrated Moving Average</i>
ATM	-	Mesin Juruwang Automatik
CBP	-	Cukai Barangan dan Perkhidmatan
CPI	-	<i>Consumer Price Index</i>
F	-	Frekuensi
GDP	-	<i>Gross Domestic Product</i>
GST	-	<i>Good and Service Tax</i>
HKICPA	-	<i>Hong Kong Institute of Certified Public Accountants</i>
IHP	-	Indeks Harga Pengguna
JKDM	-	Jabatan Kastam Diraja Malaysia
KDNK	-	Keluaran Dalam Negara Kasar
LDCE	-	<i>Natural Logarithm of Household Final Consumption Expenditure</i>
LGCE	-	<i>Natural Logarithm of General Government Final Expenditure</i>
LGDP	-	<i>Natural Logarithm of Real GDP</i>
LSDVM	-	<i>Least Squares Dummy Variable Model</i>
N	-	Jumlah
P	-	Nilai Signifikan
PBT	-	Pihak Berkuasa Tempatan
Ph.D	-	Doktor Falsafah





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

RM	-	Ringgit Malaysia
sd	-	<i>Standard Deviation</i> (Sisihan Piawai)
SPSS	-	<i>Statistical Package For The Social Sciences</i>
SST	-	<i>Sales and Service Tax</i>
UPSI	-	Universiti Pendidikan Sultan Idris
VAT	-	<i>Value Add Taxes</i>



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

BAB 1

PENDAHULUAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

1.0 Pengenalan

Pengumuman pelaksanaan sistem cukai baru oleh Perdana Menteri Malaysia iaitu Dato' Seri Najib Razak pada sesi pembentangan bajet 2015, telah menjadi sebutan hangat di setiap kalangan ahli masyarakat dan media sosial dalam masyarakat dewasa ini. Sistem percukaian yang dinamakan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (CBP) atau lebih popular dengan panggilan *Goods and Services Tax* (GST) yang telah dilaksanakan secara rasmi di Malaysia pada 1 April 2015 juga menimbulkan pelbagai reaksi yang positif dan juga negatif di kalangan masyarakat. Secara umumnya, sistem percukaian yang diamalkan di Malaysia terbahagi kepada dua jenis iaitu cukai langsung dan cukai tidak langsung. Cukai langsung boleh didefinisikan cukai yang dikenakan ke atas



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



seseorang atau syarikat dan beban cukai tersebut tidak boleh dipindahkan atau diagihkan kepada orang lain. Contoh untuk cukai langsung ialah cukai pendapatan individu, syarikat, koperasi. Cukai tidak langsung pula boleh diterjemahkan sebagai sejenis cukai yang beban cukainya boleh diagihkan dan pindahkan sepenuhnya atau sebahagiannya kepada orang lain. Contohnya, cukai yang dikenakan ke atas barangan dan perkhidmatan. Cukai tidak langsung inilah yang berhubung kait dengan sistem GST. Sistem percukaian GST ini dibentuk bertujuan merawat dan mengatasi kelemahan-kelemahan yang terdapat pada sistem percukaian lama iaitu *Sales and Services tax* (SST). Pelaksanaan sistem percukaian GST ini bertujuan untuk meningkatkan hasil pendapatan kerajaan dan tidak terlalu bergantung pada sumber hasil bumi di Malaysia seperti petroleum dan gas yang mempunyai jangka hayat. Sistem percukaian SST dilihat mempunyai masalah-masalah ekonomi seperti ketirisan, lompong dan ketidakstabilan yang berlaku dalam hasil pendapatan kerajaan. Kerajaan telah mencari jalan penyelesaian setelah 26 tahun lamanya menganalisis dan memutuskan untuk memperbaharui taraf sistem percukaian yang lebih sistematik bagi mencapai matlamat wawasan 2020 dan meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara. Pada awal pemerhatian pengkaji sebelum pelaksanaan dan selepas empat bulan pelaksanaan GST mendapati sesetengah ahli masyarakat yang menjangkakan sistem percukaian GST ini membebaskan rakyat terutama yang berpendapatan rendah seperti yang di gembar-gembur kandi dalam media sosial dan media Massa. Malah, terdapat juga ahli masyarakat yang menyokong hasrat kerajaan untuk mentransformasikan sistem percukaian negara yang dilihat lebih memberi manfaat kepada masyarakat. Keadaan ini menunjukkan bahawa masih ramai masyarakat Malaysia yang masih kurang memahami dan keliru tentang GST yang dilaksanakan di Malaysia. Oleh itu,





kajian semasa ini berhasrat ingin menyelidik perkara ini dengan lebih terperinci terhadap golongan yang berpendidikan untuk melihat tahap kefahaman mereka terhadap pelaksanaan GST ini.

1.1 Latar Belakang

Sistem percukaian konvensional di Malaysia mula diperkenalkan pada 1 Januari 1948 oleh kerajaan British yang dikuatkuasakan di bawah Ordinan Cukai Pendapatan 1947. Pada tanggal 1 Januari 1968, Akta cukai 1947 di tukar kepada Ordinan Cukai Pendapatan. Dalam Akta Cukai Pendapatan 1968 terdapat (3) ordinan pencukaian yang berbeza bagi semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Setelah tertubuhnya sebuah negara yang merdeka yang dikenali sebagai Tanah Melayu dan ubah kepada nama Malaysia pada tahun 1963, urusan percukaian diselaraskan dan ditadbir dalam satu sistem yang sama yang dikuatkuasakan melalui Akta Cukai Pendapatan 1967 untuk ketiga-tiga wilayah iaitu semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.

Kutipan cukai telah dari dahulu lagi menjadi satu instrumen utama kepada kerajaan untuk mendapatkan hasil pendapatan bagi negara untuk membolehkan kerajaan menguruskan sistem pentadbiran, pembangunan dan kebajikan rakyat. Selain dari sumber cukai pendapatan dan hasil royalti minyak, kerajaan juga mendapat hasil daripada kutipan cukai barangan dan perkhidmatan. Sistem percukaian terhadap perbelanjaan barangan dan perkhidmatan yang mula-mula digunakan adalah sistem cukai *Sales and Services tax* (SST) sejak tahun 1960an lagi. Walaupun sistem cukai ini





dilaksanakan dengan pelbagai penambahbaikan, masih terdapat ketirisan yang berlaku dalam hasil kutipan cukai kerajaan. Dari segi nilai kutipan, kerajaan hanya mendapat hasil kutipan cukai yang bernilai di antara RM16 bilion hingga RM20 bilion setahun sahaja. Disasarkan, pelaksanaan sistem Cukai GST dapat meningkatkan hasil kutipan cukai pada jumlah sebanyak RM 23 bilion. Bagi meningkatkan hasil pendapatan negara dan peningkatan kadar pematuhan cukai, kerajaan merancang satu sistem percukaian yang lebih baik bagi menggantikan SST iaitu sistem percukaian yang dikenali sebagai *Goods and Services Tax (GST)*.



Rancangan untuk melaksanakan sistem percukaian GST ini telah lama dirancang iaitu seawal tahun 1988, zaman pemerintahan Perdana Menteri Ke-4 iaitu Tun Dr. Mahathir Mohammad lagi, dan perkara ini disuarakan kembali di zaman pemerintahan Perdana Menteri Ke-5 iaitu Tun Abdullah Ahmad Badawi pada pembentangan bajet 2005. Pada mulanya disasarkan pelaksanaan GST akan dilaksanakan pada 1 Januari 2007 tetapi telah ditangguhkan untuk memberi tempoh persediaan yang cukup pada sektor perniagaan, khususnya daripada aspek keupayaan, pembaharuan perisian sistem dan latihan kepada kakitangan yang terlibat secara langsung dalam melaksanakan sistem GST ini.

Pada tanggal 25 Oktober 2013 ketika berlangsungnya Pembentangan Bajet 2014, Perdana Menteri Malaysia telah mengumumkan pemansuhan cukai lama iaitu sistem percukaian SST dan telah digantikan dengan GST bermula tarikh 1 April 2015. Dengan pelaksanaan sistem cukai yang lebih sistematik struktur percukaian negara menjadi lebih komprehensif, efisien, telus, efektif dan mesra perniagaan. Kenyataan ini





di sokong oleh Kay & Davis (1990) yang menyatakan VAT/GST adalah cukai penggunaan pertama yang telah berjaya menyepadukan cukai barangan dengan cukai perkhidmatan. Keadaan ini dijangka dapat menangani kelemahan yang wujud dalam sistem percukaian yang lama seperti cukai bertindih, cukai berganda, cukai bertingkat ke atas pengguna, karenah birokrasi, ketiadaan pelepasan cukai sepenuhnya ke atas barangan yang dieksport dan isu-isu harga pindahan yang menyebabkan kerugian kepada pihak pengguna dan kerajaan. GST dijangkakan mampu merangsang pertumbuhan ekonomi domestik dan meningkatkan daya saing Negara kepada pelaburan global. Malah, dengan melaksanakan GST, risiko akibat turun naik ekonomi dan kebergantungan kepada sumber minyak dan gas yang mempunyai jangka hayat yang terhad dapat dikurangkan.



Kerajaan Malaysia telah menetapkan kadar cukai GST yang akan dikenakan ialah sebanyak enam peratus (6%) bermulanya 1 April 2015 berbanding SST dengan kadar cukai jualan iaitu lima hingga sepuluh peratus (5-10%) dan cukai perkhidmatan pada kadar enam peratus (6%). Dengan terlaksananya sistem percukaian GST ini, disasarkan mengalami peningkatan hasil pendapatan negara untuk jangka masa yang panjang. Malah, secara logiknya, harga barangan akan mengalami sedikit penurunan apabila berlaku penurunan peratusan nilai cukai daripada 10% kepada 6%. Justeru itu, dengan pemansuhan cukai lama, kos jualan sesuatu barang dalam perniagaan dijangka dapat dikurangkan dan ini seterusnya akan memberi nilai kepada manfaat orang ramai melalui caj harga barang yang lebih rendah jika perniagaan tersebut dapat menyalurkan kembali penjimatan tersebut pada pengguna.





Menurut Shamzaeffa Samsudin (2014), sudah tiba masanya Malaysia memperkenalkan GST seperti di 160 negara lain seperti Australia, Perancis dan Kanada yang telah lama mengamalkannya. Menurutnya lagi, cukai adalah sesuatu yang tidak digemari pengguna kerana mereka terpaksa membayar harga yang lebih tinggi namun untuk meningkatkan pendapatan negara, sesebuah kerajaan harus melaksanakan cukai. Malah, matlamatnya sekarang adalah untuk memilih sistem cukai yang lebih berkesan berbanding dengan alternatif yang sedia ada. GST adalah satu sistem cukai penggunaan yang menyeluruh dan ia dijadikan pilihan majoriti kerajaan di seluruh dunia untuk mengutip hasil selain menangani masalah defisit bajet dan Malaysia tidak terkecuali untuk melaksanakan sistem cukai GST untuk berdaya saing dengan Negara maju yang lain.



Menurut Hussin, Aeefi Alghazali & Normala (2013), pelaksanaan GST akan membolehkan kerajaan menurunkan kadar cukai pendapatan tidak kira bagi individu mahupun korporat dan menjadikan Malaysia lebih berdaya saing bagi menarik pelabur-pelabur asing untuk menanam modal di dalam negara ini. Menurut Wan Suhaimie Saidie (2008), GST perlu disegerakan pelaksanaannya untuk mengekalkan daya saing Malaysia dalam menarik lebih banyak pelaburan, mengekalkan kemapanan pertumbuhan ekonomi serta mewujudkan pekerjaan berpendapatan tinggi. Menurut beliau lagi, negara seperti Australia dan Singapura boleh dijadikan perbandingan dalam pelaksanaan GST kerana mempunyai geografi, demografi, budaya dan sistem perundangan yang hampir menyamai Malaysia. Di Australia pendapatan per kapita rakyatnya telah meningkat lebih tiga kali ganda kepada AS\$67,000 berbanding hanya kira-kira AS\$20,000 semasa memulakan GST pada 2000. Manakala pendapatan per





kapita di Singapura pula, telah melonjak kepada AS\$51,000 sekarang daripada AS\$18,000 semasa mula melaksanakan cukai itu.

Oleh yang demikian, telah menjadi tanggungjawab kerajaan untuk melakukan penambahbaikan kepada sistem percukaian yang telah digunakan iaitu dengan mentransformasikan sistem cukai sedia ada supaya menjadi lebih mudah, telus dan cekap. Rumusannya, menerusi GST dapat memberi manfaat yang baik dalam bentuk nilai wang serta peningkatan taraf hidup yang lebih selesa melalui pelbagai bentuk pembangunan yang bakal dilaksanakan oleh kerajaan seperti penyediaan infrastruktur kemasyarakatan yang lengkap akan diperoleh masyarakat.



1.2 Penyataan Masalah

Seperti yang diketahui umum bahawa pelaksanaan GST telah bermula pada 1 April 2015. Namun, sehingga tiba tarikh ia dilaksanakan pada 1 April 2015 yang lalu, masih ramai rakyat Malaysia termasuk para petani, nelayan, pekerja awam atau swasta dan golongan pelajar didapati masih tidak memahami konsep sebenar GST. Media sosial serta seminar-seminar mewartakan sistem percukaian GST adalah satu sistem percukaian lebih baik, adil, telus, cekap dan kerajaan yakin ianya akan memberikan manfaat kepada semua rakyat Malaysia. Walau bagaimanapun, usaha terhadap pelaksanaan GST ada cabarannya tersendiri, terdapat sesetengah ahli masyarakat yang melihat GST sebagai alat ekonomi yang akan membebankan ekonomi seharian mereka dan kerajaan tidak sewajarnya melaksanakan GST. Menurut Rogers (2003), sesuatu





idea baru amat sukar diterima atau terdapat rintangan walaupun idea tersebut mempunyai banyak kelebihan yang ketara. Hal ini terjadi kerana manusia kebiasaannya akan memberi reaksi berbeza dan tertentu terhadap sesuatu perkara baru berdasarkan tanggapan dan pandangan dunia (*world view*) yang berbeza-beza.

Dalam erti kata lain, respons yang berbeza-beza dari kalangan ahli masyarakat semasa GST dilaksanakan boleh jadi disebabkan tingkat penerimaan dalam kalangan mereka adalah berbeza. Perbezaan yang wujud dalam hal ini juga boleh dikaitkan dengan kewujudan tingkat kefahaman masyarakat yang berbeza-beza tentang peranan dan operasi GST. Walaupun kerajaan banyak memberi penerangan tentang kebaikan GST, masih ramai yang mempunyai persepsi pelaksanaan GST ini adalah satu bebanan tambahan pada sistem percukaian lama iaitu SST. Menganggap GST sebagai cukai tambahan dari cukai sedia ada adalah satu salah faham, GST adalah cukai ganti dan bukan cukai tambahan pada SST. Permasalahan ini jelas menampakkan implikasi negatif terhadap proses pelaksanaan GST yang telah dilaksanakan sejak 1 April 2015. Kenyataan ini disokong oleh dapatan kajian yang dilakukan oleh Hussin et al. (2013) yang menunjukkan hampir separuh responden tidak memahami apa yang dimaksudkan tentang GST. Keadaan ini seolah-olah menunjukkan, untuk menggerakkan atau melakukan sesuatu perubahan dalam masyarakat bukanlah suatu perkara yang mudah.

Berdasarkan situasi yang telah diterangkan, aktiviti serta usaha meningkatkan tahap kefahaman dan pengetahuan mengenai pelaksanaan serta fungsi GST adalah penting untuk mendapat penerimaan dan keyakinan orang ramai. Ini adalah kerana perkara cukai melibatkan perbelanjaan yang akan dilakukan oleh masyarakat.





Pertukaran sistem cukai berpotensi mewujudkan ketidakpastian perbelanjaan masa depan (Cullis & Jones, 1992). Ketidakpastian ini kemudiannya akan menyebabkan rintangan dan menimbulkan pelbagai cabaran terhadap inisiatif kerajaan untuk melaksanakan GST. Dari kenyataan ini dapat kita buat satu rumusan bahawa penyebaran maklumat bagi tujuan menanamkan kefahaman tentang manfaat GST yang dilaksanakan oleh kerajaan adalah sangat penting. Bagi memastikan ia berlaku secara menyeluruh, semua pihak, agensi kerajaan, agensi yang dilantik dan agensi-agensi berbayar perlu dilibatkan bersama.

Penyebaran maklumat yang sahih dan penerangan yang jelas adalah penting untuk mendidik orang ramai tentang apa yang mereka peroleh daripada pelaksanaan GST. Tambahan pula, setiap orang dalam masyarakat di dunia ini khususnya masyarakat yang berbilang kaum di Malaysia memiliki pelbagai ragam dan karenah yang terdiri daripada individu-individu yang mempunyai ekonomi, pandangan, sikap, nilai, budaya dan kepercayaan yang berlainan. Oleh demikian, tidak semua individu atau orang akan menerima secara automatik atau menerima apa saja yang disarankan melalui proses komunikasi yang dirancang atau pendedahan yang menyeluruh. Akibatnya, jika terdapat rintangan atau permasalahan yang wujud, perubahan ini mungkin tidak akan berlaku atau mungkin melambatkan proses perubahan yang diharapkan atau dalam keadaan paling ekstrem program yang dijalankan terpaksa dihentikan akibat serta idea yang dirancang dengan baik tidak dapat diterima oleh masyarakat.





Persoalan yang timbul ialah mengapakah rancangan pelaksanaan cukai GST ini sukar diterima oleh rakyat Malaysia? Adakah ini terjadi kerana kurangnya maklumat yang disampaikan ataupun kurangnya kefahaman berkaitan dengan pelaksanaan cukai ini ataupun rakyat merasa was-was akan kelebihan pelaksanaan GST ini. Laporan Utusan Borneo Online (2014) menyatakan GST yang dilihat sebagai tindakan kerajaan untuk menyusun semula sistem kewangan negara dan bertujuan mencari sumber hasil baharu serta memperkemas kaedah kutipan cukai, kurang difahami oleh rakyat khususnya golongan muda. Dari tinjauan yang dibuat di bandar raya Kuching, didapati orang ramai mempunyai pemahaman yang sangat kurang mengenai GST. Selain itu, berita Sinar Harian (15 Jan 2014) melaporkan bahawa tinjauan di kawasan Masjid Jamek, Jalan Tuanku Abdul Rahman, Jalan Dua dan Petaling Street di sini mendapati hanya lapan peratus (8%) daripada 60 responden mengakui memahami GST dan berpendapat ia sepatutnya dilaksanakan sejak dulu lagi. Manakala, kira-kira 75 peratus lagi menyatakan tidak faham dengan GST dan bimbang pelaksanaannya akan membebankan sementara 17 peratus pula menjawab tidak tahu apa itu GST.

Senario yang berlaku jelas menunjukkan terdapat masyarakat Malaysia yang masih belum benar-benar faham tentang apa itu GST. Ini menunjukkan usaha kerajaan melakukan transformasi cukai dalam keadaan rakyat belum benar-benar jelas meletakkan status kejayaan yang akan dicapai dalam keadaan berisiko. Robbins (1996), menyatakan bahawa sesuatu idea tidak kira betapa hebat sekalipun, adalah tidak bermakna sehinggalah pendapat (*idea*) tersebut dipindahkan dan difahami oleh orang lain.





Susulan dari penerangan yang diberikan, penyelidik berhasrat menjalankan kajian tinjauan berkaitan tingkat kefahaman tentang GST dalam kalangan orang ramai atau para pendidik di sekolah-sekolah. Oleh itu, adalah amat menarik jika kajian tinjauan tingkat kefahaman guru tentang GST dijalankan. Dalam erti kata yang lebih spesifik, penyelidik memilih ahli masyarakat dari kumpulan guru bagi kajian ini dan skop kajian tertumpu pada tingkat pengetahuan dan kefahaman tentang GST selepas GST dilaksanakan. Kajian ini memberi fokus terhadap golongan guru atau pendidik sebagai responden kerana guru boleh dianggap sebagai agen penyampai maklumat yang berkesan. Skop interaksi guru adalah luas, tidak terbatas di kalangan guru-guru lain dan pelajar di sekolah, malah guru juga berinteraksi atau berkomunikasi dengan ibu bapa dan ahli masyarakat sekitar. Sebagai agen rujukan atau agen penyebar maklumat pada ahli masyarakat, pengetahuan dan kefahaman guru tentang isu-isu terkini mestilah kontemporari. Begitu juga dengan pelaksanaan GST, kefahaman yang baik dalam kalangan guru dapat membantu meningkatkan kefahaman orang ramai dan perkara ini akan menggalakkan pematuhan. Menurut Singh (2003), ilmu memberikan para pembayar cukai dengan kebolehan untuk memahami keperluan terhadap reformasi cukai baru dan ini akhirnya akan menggalakkan pematuhan.

1.3 Tujuan Kajian

Secara umumnya, kajian ini dijalankan bagi menyempurnakan syarat untuk menamatkan pengajian di peringkat Sarjana. Secara khususnya, kajian ini dijalankan untuk ingin mengenal pasti sumber dan sejauh mana tahap pengetahuan dan





pemahaman guru tentang pelaksanaan GST di Malaysia. Kajian ini juga boleh dijadikan sumber rujukan pada masa akan datang kerana kajian tentang permasalahan ini belum banyak dijalankan di Malaysia.

1.4 Objektif Kajian

Objektif kajian bagi penyelidikan ini adalah seperti berikut;



- i) Mengenal pasti *medium* penyebaran maklumat yang paling popular dalam kalangan guru dalam memperoleh maklumat mengenai GST.
- ii) Mengetahui tahap pengetahuan guru terhadap pelaksanaan GST.
- iii) Menentukan tahap pemahaman guru terhadap pelaksanaan GST.
- iv) Mengukur kewujudan perbezaan tahap kefahaman guru tentang GST dari bidang-bidang yang berbeza.

1.5 Persoalan Kajian

Berdasarkan kepada objektif kajian, soalan-soalan kajian bagi penyelidikan ini ialah;



- i) Apakah *medium* yang paling popular dalam kalangan guru dalam memperoleh maklumat tentang GST?
- ii) Apakah tahap pengetahuan guru terhadap pelaksanaan GST?
- iii) Apakah tahap kefahaman guru tentang pelaksanaan GST?